



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PERBANDINGAN BENTUK KATA ADJEKTIF BAHASA SEPANYOL  
DENGAN BAHASA MELAYU DALAM PENULISAN PELAJAR IPTA***

**MARIYATI HAJI MOHD NOR**

**FBMK 2015 95**



**PERBANDINGAN BENTUK KATA ADJEKTIF BAHASA  
SEpanyol DENGAN BAHASA MELAYU DALAM PENULISAN  
PELAJAR IPTA**

Oleh  
**MARIYATI HAJI MOHD NOR**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia sebagai memenuhi Keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

**Februari 2015**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hakcipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**PERBANDINGAN BENTUK KATA ADJEKTIF BAHASA SEPANYOL DENGAN  
BAHASA MELAYU DALAM PENULISAN PELAJAR IPTA**

Oleh

**MARIYATI HAJI MOHD NOR**

**Februari 2015**

**Penyelia : Profesor Madya Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, PhD.**

**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menentukan aspek persamaan dan perbezaan pembentukan kata adjektif antara bahasa Sepanyol sebagai bahasa asing yang dipelajari di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan bahasa Melayu iaitu bahasa Ibunda pelajar. Aspek pembentukan kata adjektif merupakan salah satu faktor penting yang mempengaruhi proses pembelajaran bahasa Sepanyol dan mesti dikuasai dengan baik oleh pelajar. Bentuk kata adjektif yang pelbagai memberi masalah dan mengelirukan pelajar dan kesilapan sering berlaku dalam aktiviti penulisan karangan pelajar. Justeru, objektif kajian ini adalah mengenal pasti pembentukan kata adjektif bahasa Sepanyol dan bahasa Melayu, menganalisis persamaan dan perbezaan dalam aspek pembentukan kata adjektif antara bahasa Sepanyol dengan bahasa Melayu, menganalisis penggunaan bentuk kata adjektif bahasa Sepanyol dalam karangan pelajar Melayu serta merumuskan jenis-jenis kesilapan penggunaan kata adjektif dalam penulisan karangan pelajar Melayu di UPSI. Untuk mencapai objektif kajian ini, penyelidik menggunakan Teori Analisis Kontrastif oleh Robert Lado (1957) dan model struktural untuk menganalisis data. Sampel kajian adalah terdiri daripada 50 orang pelajar Melayu di UPSI yang mempelajari bahasa Sepanyol pada tahap satu iaitu tahap yang paling asas. Hasil kajian mendapati bahawa persamaan yang wujud antara bahasa Sepanyol dan bahasa Melayu membantu pelajar dalam proses pembelajaran dan pelajar dapat membina ayat dengan betul dan tepat. Sedangkan perbezaan pula mendatangkan kesulitan dan menjadi penghalang kepada pelajar. Selain itu pelajar membuat kesilapan disebabkan wujud bentuk kata adjektif bahasa Sepanyol yang tiada dalam bahasa ibunda pelajar. Pengaruh bahasa ibunda dan bahasa kedua juga menjadi punca kesilapan dilakukan. Secara kesimpulannya, diharapkan kajian ini menjadi satu usaha bagi membantu meningkatkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Sepanyol sebagai bahasa asing di Malaysia.



This abstract of thesis is presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilling the requirements of the Degree OF Doctor of Philosophy

**A COMPARISON OF SPANISH ADJECTIVE FORMATION WITH MALAY LANGUAGE IN WRITING AMONG IPTA STUDENTS**

By

**MARIYATI HAJI MOHD NOR**

**February 2015**

**Supervisor : Associate Professor Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, PhD.**

**Faculty : Modern Languages and Communication**

This study aims to determine the aspects of similarities and differences between Spanish adjectives and Malay adjectives formation. Spanish is studied as a foreign language in Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) and Malay is the mother tongue of the students. The formation aspects of the adjectives is one of the important factors that influence the process of learning Spanish and needs to be crucially mastered by students. Various forms of the adjectives posed problems and caused confusion among the student and as such mistakes often occur in students' essay writing. Thus, the objectives of this study are to identify the formation of adjectives according to Spanish and Malay language, analyse the similarities and differences in terms of the formation of adjectives between Spanish and Malay language, analyse the use of the form of Spanish adjectives in Malay students' essay writing and summarize the types of errors in using the adjectives in Malay students' essay writing in UPSI. To achieve the objectives of this study, the researcher used Contrastive Analysis Theory by Robert Lado (1957) and the structural models to analyse the data. The samples were made up of 50 Malay students in UPSI who learned Spanish at level one which is the most basic level. The study found that the similarities that exist between Spanish and Malay language have helped the students in the learning process and students can construct sentences correctly and accurately. However, the differences in contrast caused problems and became a barrier to the students. The students made mistakes due to the inherent nature of a Spanish adjective that is not found in the student's native language. The influence of mother tongue on the second language can also be the cause of errors made. In conclusion, it is hoped that this study is able to improve the teaching and learning of Spanish as a foreign language in the country.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur saya panjatkan ke hadrat Illahi, kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya saya berjaya menyiapkan tesis ini dengan jayanya. Allah S.W.T telah memberi saya kekuatan dan ketabahan yang luar biasa serta kesihatan yang baik untuk menyempurnakan tesis ini. Sokongan dan galakan yang diterima daripada pelbagai pihak juga memberi saya semangat untuk terus berjuang tanpa mengenal erti putus asa.

Penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada penyelia saya Prof. Madya Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah sebagai pengerusi jawatankuasa penyeliaan atas daya usaha beliau yang tidak jemu memberikan tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Jasa Dr. akan saya kenang sampai bila-bila.

Saya juga merakamkan penghargaan yang tidak berbelah bahagi kepada ahli jawatankuasa penyeliaan tesis ini iaitu, Dr. Salina Husain dan Dr. Norizan Che Su yang sentiasa memberi sokongan, idea tunjuk ajar dan sentiasa penuh semangat dalam membantu saya menyiapkan tesis ini.

Tidak lupa juga kepada semua pensyarah yang turut memberikan tunjuk ajar serta bimbingan yang berguna dan mengajar saya sepanjang pengajian saya di UPM. Kawan-kawan seperjuangan saya yang bersama-sama ketika waktu susah dan senang saya terutama Zaliza Mohammad Nasir dan juga kawan-kawan lain yang sudi bertanya khabar dan memberi semangat agar terus berjuang hingga ke akhirnya. Terima kasih kerana bersedia membantu pada bila-bila masa. Terima kasih juga buat pelajar-pelajar kursus Bahasa Sepanyol Komunikasi 1 di UPSI yang telah mengambil bahagian dalam kajian saya terutama untuk sahabat saya Puan Fatina Bakar yang banyak membantu dalam mendapatkan data ini.

Penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pelajaran Malaysia yang sudi membiayai pengajian saya dan memberi peluang untuk saya meneruskan pengajian yang tidak ternilai ini. Sesungguhnya peluang yang diberikan tidak akan disia-siakan.

Akhir sekali, tidak lupa juga kepada semua staf Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, dan staf Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia yang sentiasa bertugas bersungguh-sungguh dalam membantu kami dan melayan semua pertanyaan kami. Semoga Tuhan membalas segala pertolongan dan kerjasama tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Jasa anda semua tidak dapat saya balas.

“MENUNTUT ILMU SEHINGGA KE AKHIR HAYAT”  
MARIYATI MOHD NOR



Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 16 Februari 2015 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Mariyati binti Mohd Nor bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Perbandingan Bentuk Kata Adjektif Bahasa Sepanyol dengan Bahasa Melayu dalam Penulisan Pelajar IPTA” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Mohd Sharifudin bin Yusop, PhD**

Pensyarat Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Hashim bin Haji Musa, PhD**


Profesor  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Normaliza bt Abd Rahim, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Zulkifley Hamid, PhD**

Profesor  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Malaysia  
(Pemeriksa Luar)



---

**ZULKARNAIN ZAINAL, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 15 April 2015



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:



**Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Norizan Che Su, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Salina Husain, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**BUJANG KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Tarikh:

Nama dan No.Matrik :Mariyati Haji Mohd Nor (GS30143)

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah- Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012- 2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : \_\_\_\_\_


\_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan  
Penyeliaan  
Profesor Madya Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah

Tandatangan:

\_\_\_\_\_  
Nama Ahli Jawatankuasa  
Dr. Salina Husain

Tandatangan : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan  
Dr. Norizan Che Su



## JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	iv
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiii
<b>BAB</b>	
1	
<b>PENDAHULUAN</b>	
Pengenalan	1
Latar Belakang Kajian	1
Pengajaran dan Pembelajaran BS di Malaysia	3
Morfologi BM dan BS	4
Pernyataan Masalah	10
Persoalan Kajian	11
Objektif Kajian	12
Kepentingan Kajian	12
Batasan Kajian	13
Bahan Kajian	15
Definisi Operasional	15
Perbandingan	15
Bentuk	15
Kata Adjektif	15
Bahasa Sepanyol	16
Penulisan	16
Kesimpulan	16
II	
<b>SOROTON LITERATUR</b>	
Pengenalan	17
Teori Analisis Bandingan atau Kontrastif	17
Kajian Lepas perbandingan BS dan BM di Malaysia	21
Kajian Bandingan antara BM dan bahasa asing yang lain	23
Kajian menfokuskan kata adjektif	27
Kajian Pembelajaran Bahasa Asing	29
Kesimpulan	32
III	
<b>METODOLOGI</b>	
Pengenalan	33
Reka Bentuk Kajian	33
Konsep dan kerangka teori.	35
Kaedah Kajian	37
Kaedah Pemerhatian	38
Kaedah Kepustakaan	38

	Kaedah Penelitian Tertumpu	39
	Prosedur Kajian	39
	Mengumpul Data	41
	Pemilihan karangan pelajar sebagai data primer dan akhbar sebagai data sekunder.	41
	Terjemahan Data	42
	Persampelan	42
	Pemilihan Sampel	42
	Rasional Pemilihan Sampel	43
	Penentuan Saiz Sampel	43
	Tempat Kajian	43
	Analisis Data	43
	Pertimbangan Etika	44
	Kesimpulan	44
<b>IV</b>	<b>DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	
	Pengenalan	45
	Bentuk kata adjektif BS dan BM.	45
	Bentuk Kata Adjektif BS	45
	Bentuk Kata Adjektif BM	55
	Perbandingan bentuk kata adjektif BS dan BM.	60
	Bandingan bentuk kata adjektif BS dan BM	60
	Bandingan bentuk kata adjektif BM dan BS	67
	Penggunaan Kata Adjektif BS dalam karangan pelajar	74
	Jenis-jenis kesilapan bentuk kataadjektif	93
	Perbezaan Kesilapan dan Kesalahan	93
	Kesimpulan	105
	Rasional Teori Analisis Konstrastif oleh Robert Lado (1957) dengan dapatan kajian.	106
	Implikasi dapatan kajian	108
<b>V</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	
	Pengenalan	111
	Rumusan	111
	Bentuk kata adjektif BS dan BM	111
	Bandingan pembentukan kata adjektif BM dan BS	112
	Penggunaan Kata Adjektif BS dalam karangan pelajar	112
	Jenis-jenis kesilapan bentuk kata adjektif	113
	Populasi	114
	Instrumen Kajian	114
	Penutup	115
	<b>RUJUKAN</b>	117
	<b>LAMPIRAN</b>	
	Lampiran A : Karangan Pelajar	121
	Lampiran B : Akhbar El Pais	122
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	123
	<b>SENARAI PENERBITAN DAN PERSIDANGAN</b>	124

## SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1.1 Bentuk Kata Adjektif Berdasarkan Genus BS Dan BM	6
1.2 Bentuk Kata Adjektif Berdasarkan Bilangan Tunggal dan Jamak Dalam BS dan BM	7
1.3 Bentuk Kata Adjektif Yang Tidak Berubah Dari Segi Genus	8
1.4 Bentuk Kata Adjektif Tidak Berubah Dari Segi Genus BS Dan BM	8
3.2 Peringkat Perancangan Kajian	38
4.1 Bentuk Kata Adjektif berdasarkan genus maskulin dan feminin	46
4.2 Contoh ayat bentuk kata adjektif berdasarkan genus maskulin dan feminin	46
4.3 Bentuk Kata Adjektif berdasarkan bilangan tunggal dan jamak	47
4.4 Contoh ayat bentuk kata adjektif berdasarkan bilangan (tunggal dan jamak)	47
4.5 Bentuk Kata Adjektif dengan vokal 'e'	48
4.6 Contoh ayat bentuk kata adjektif yang berakhir dengan 'e'	49
4.7 Bentuk Kata Adjektif dengan vokal 'a'	49
4.8 Contoh ayat bentuk kata adjektif yang berakhir dengan 'a'	50
4.9 Bentuk Kata Adjektif dengan konsonan l, z, n dan r.	50
4.10 Contoh ayat bentuk kata adjektif yang berakhir dengan 'l, z, n dan r'	51
4.11 Bentuk pemendekan kata adjektif	52
4.12 Contoh pemendekan kata adjektif	52
4.13 Bentuk perbandingan kata adjektif	53
4.14 Tingkat superlatif kata adjektif/ darjah kepalingan	54
4.15 Bentuk Kata Adjektif Tunggal	55
4.16 Bentuk kata adjektif terbitan (Awalan 'ter'-)	55
4.17 Bentuk kata adjektif terbitan (Awalan 'se'-)	56
4.18 Bentuk kata adjektif terbitan (Apitan ke..an)	56
4.19 Bentuk kata adjektif terbitan (sisipan)	57
4.20 Bentuk kata adjektif ganda (penuh)	57
4.21 Bentuk kata adjektif ganda (separa)	58
4.22 Bentuk kata adjektif ganda (berentak)	58
4.23 Bentuk kata adjektif majmuk	58
4.24 Bentuk perbandingan kata adjektif	59
4.25 Persamaan dan perbezaan bentuk kata adjektif berdasarkan genus	61
4.26 Persamaan dan perbezaan bentuk kata adjektif berdasarkan bilangan	62
4.27 Persamaan dan perbezaan bentuk kata adjektif tidak berubah	63
4.28 Perbezaan pemendekan kata adjektif	64
4.29 Persamaan dan perbezaan bentuk perbandingan (Darjah biasa)	65
4.30 Persamaan dan perbezaan bentuk perbandingan (Darjah bandingan)	66
4.31 Persamaan dan perbezaan Tingkat superlatif kata adjektif/ darjah kepalingan	67
4.32 Persamaan dan perbezaan bentuk kata adjektif tunggal	68
4.33 Persamaan dan perbezaan kata adjektif terbitan	69
4.34 Perbezaan bentuk ganda/jamak.	71

4.35	Perbezaan bentuk majmuk	72
4.36	Perbezaan bentuk darjah penghabisan	73
4.37	Bentuk kata adjektif berdasarkan genus maskulin dalam ayat	75
4.38	Bentuk kata adjektif berdasarkan genus feminin dalam ayat	76
4.39	Bentuk kata adjektif berdasarkan bilangan (maskulin) dalam ayat	77
4.40	Bentuk kata adjektif berdasarkan bilangan (feminin) dalam ayat	78
4.41	Bentuk kata adjektif yang berakhir dengan 'e'(maskulin)	79
4.42	Bentuk kata adjektif yang berakhir dengan 'e'(feminin)	80
4.43	Bentuk kata adjektif yang berakhir dengan 'e'(jamak)	80
4.44	Bentuk kata adjektif yang berakhir dengan 'l'	81
4.45	Bentuk kata adjektif yang berakhir dengan 'z'	82
4.46	Bentuk kata adjektif yang berakhir dengan 'n'	83
4.47	Bentuk kata adjektif yang berakhir dengan 'r'	84
4.48	Bentuk pemendekan kata adjektif	85
4.49	Bentuk tingkat bandingan (lebih)	86
4.50	Bentuk tingkat bandingan (sama)	86
4.51	Bentuk tingkat Superlatif atau darjah kepalingan	87
4.52	Kedudukan kata adjektif di dalam ayat	89
4.53	Kesilapan bentuk adjektif berdasarkan genus maskulin	94
4.54	Kesilapan bentuk adjektif berdasarkan genus feminin	95
4.55	Kesilapan bentuk adjektif berdasarkan bilangan (bentuk tunggal)	96
4.56	Kesilapan bentuk adjektif berdasarkan bilangan (bentuk jamak)	97
4.57	Kesilapan bentuk adjektif berdasarkan genus dan bilangan	98
4.58	Kesilapan bentuk pemendekan adjektif	99
4.59	Kesilapan terjemahan kata secara terus.	101
4.60	Kesilapan penyalahgunaan kata adjektif	102
4.61	Kesilapan penggunaan kata adjektif BI	103
4.62	Kesilapan ortografi (ejaan) kata adjektif	104

## SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
3.1 Kerangka Konseptual Kajian	34
3.2 Kerangka Teori	35





## SENARAI SINGKATAN

BM	-	Bahasa Melayu
BS	-	Bahasa Sepanyol
BA	-	Bahasa Arab
BC	-	Bahasa Cina
BT	-	Bahasa Thai
BTa	-	Bahasa Tamil
BP	-	Bahasa Perancis
BJ	-	Bahasa Jepun
BG	-	Bahasa Jerman
Blt	-	Bahasa Itali
Blb	-	Bahasa Iban
BMy	-	Bahasa Myanmar
BV	-	Bahasa Vietnam
BK	-	Bahasa Korea
BR	-	Bahasa Rusia
BI	-	Bahasa Inggeris
B1	-	Bahasa Pertama
B2	-	Bahasa Kedua
AK	-	Analisis Kontrastif
AS	-	Analisis Kesilapan
UM	-	Universiti Malaya
UKM	-	Universiti Kebangsaan Malaysia
USM	-	Universiti Sains Malaysia
UiTM	-	Universiti Teknologi Mara
UMT	-	Universiti Malaysia Terengganu
UMK	-	Universiti Malaysia Kelantan
UMP	-	Universiti Malaysia Pahang
UMS	-	Universiti Malaysia Sabah
UPM	-	Universiti Putra Malaysia
MSI	-	Malaysian Spanish Institute.
UPSI	-	Universiti Pendidikan Sultan Idris
IPTA	-	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	-	Institusi Pengajian Tinggi Swasta

## Bab Satu

### PENDAHULUAN

#### Pengenalan

Lebih daripada setengah penduduk dunia merupakan penutur dwibahasa (Harding & Riley, 1986). Hal ini menunjukkan bahawa sebahagian besar manusia di dunia ini menggunakan dua bahasa sebagai alat komunikasi. Penutur di Malaysia menggunakan dua bahasa atau lebih sebagai alat komunikasi iaitu bahasa Melayu (BM), Cina (BC) dan Tamil (BTa) sebagai bahasa ibunda serta bahasa Inggeris (BI) sebagai bahasa kedua. Kini wujud pula bahasa asing yang berperanan sebagai bahasa ketiga seperti bahasa Sepanyol (BS), Perancis (BP), Arab(BA), Jepun (BJ), Jerman (BG), Belanda (BB), Itali (Blt) dan lain-lain yang dipelajari atas pelbagai faktor seperti politik, ekonomi, kebudayaan, pendidikan, agama dan sebagainya. Menurut Fuller (1987) antara sebab-sebab kita mempelajari bahasa asing adalah kerana:

- a) bahasa asing itu ibarat surat akuan yang sama nilainya dengan ijazah dalam kimia dan sangat berguna apabila diletakkan dalam resume.
- b) mengetahui bahasa asing merupakan satu kelebihan dalam mengenali dunia yang lebih besar.
- c) kebolehan berbahasa asing dan kesungguhan mempelajarinya akan mengagumkan sahabat asing yang berasal dari negara itu kerana kita cuba memahami budaya dan cuba berhubung dengan mereka menggunakan bahasa tersebut.
- d) bahasa asing akan membuka pintu kepada budaya bahasa asing dan membuka mata kita kepada dunia luar.
- e) bila kita mempelajari bahasa asing, kita akan lebih mempelajari bahasa kita.
- f) proses mempelajari bahasa asing adalah sangat menyeronokkan.

#### Latar Belakang Kajian

Menurut Ethnologue (2013), terdapat 6912 jenis bahasa yang dituturkan di dunia ini seperti bahasa Melayu (BM) dan bahasa Sepanyol (BS). Kedua-dua bahasa ini merupakan sepuluh bahasa paling ramai penuturnya di dunia. BM berada pada tangga ketujuh dengan jumlah penutur seramai 259 juta dan BS berada di kedudukan keempat dengan jumlah penutur seramai 400 juta. Kedua-dua bahasa ini berasal daripada rumpun yang berbeza dan mempunyai bentuk ayat dan bunyi yang tersendiri. BM berfungsi sebagai bahasa ibunda manakala BS pula merupakan bahasa asing yang dipelajari secara formal di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia.

BS mempunyai sistem bahasa yang tersendiri yang berbeza dengan bahasa ibunda pelajar di Malaysia iaitu BM. Sebagai bahasa asing, sistem bahasa yang berbeza ini boleh menimbulkan kesulitan kepada seseorang apabila mempelajari BS. Semakin luas perbezaan sistem BS dan bahasa ibunda pelajar semakin sulit untuk mempelajarinya dan bagi memahami masalah yang dihadapi oleh pelajar Melayu di dalam pembelajaran BS sebagai bahasa asing, perbezaan dan persamaan yang terdapat antara sistem BM yang merupakan bahasa pertama atau bahasa ibunda pelajar dan BS sebagai bahasa sasaran pelajar haruslah dikaji dan dianalisis agar ianya dapat membantu pelajar memahami dengan baik sistem bahasa yang dipelajari mereka.

Bahasa ibunda boleh mempengaruhi pembelajaran bahasa asing sebagaimana sesuatu kebiasaan yang terdahulu boleh mempengaruhi seseorang dalam mempelajari kemahiran yang baru. Perbezaan antara BS dan BM, sebagai contohnya boleh membawa kepada kesalahan penggunaan

bahasa yang berterusan selain kesulitan dalam pembelajaran (Bright, 1992). Kesilapan dan kesalahan dapat dikesan dalam penggunaan bahasa pertama seseorang pelajar itu dengan menggunakan kajian bandingan atau analisis kontrasitif (AK) (Lado & Fries, 1966).

Menurut Kridaklaksana (1993) analisis bandingan ini juga dipanggil AK, iaitu satu kaedah sinkronis dalam analisis bahasa untuk menunjukkan persamaan dan perbezaan antara bahasa atau dialek bagi mencari prinsip yang dapat diterapkan dalam masalah praktis seperti pengajaran bahasa, penyelidikan linguistik dan penterjemahan. Perbandingan yang dijalankan melibatkan perbandingan secara sistematik struktur-struktur bahasa yang dikaji seperti yang disarankan oleh Fries dalam bukunya *Teaching and Learning of English as a Foreign Language* (1945: 9):

*“The most effective materials are those that are based upon a scientific description of the language to be learned, carefully compared with a parallel description of the native language of the learner.”*

Huraian secara saintifik yang dimaksudkan oleh Fries (1945) merupakan huraian secara sistematik yang dibuat terhadap struktur sesuatu sistem bahasa yang tertentu contohnya sistem bunyi, sistem morfologi atau sistem sintaksis bahasa pertama dan bahasa sasaran yang dikaji. Richards et al (1993) pula mengatakan bahawa AK merupakan perbandingan sistem kebahasaan daripada dua bahasa, seperti sistem bunyi atau sistem tatabahasanya.

Daripada pendapat-pendapat di atas dapatlah diperolehi beberapa pemahaman tentang AK. Antaranya adalah seperti yang berikut:

Pertama ; AK ialah kaedah yang membuat perbandingan unsur yang terdapat dalam dua bahasa atau lebih dari rumpun yang tidak sama, bertujuan untuk mengetahui persamaan dan perbezaan unsur tersebut. Unsur yang dimaksudkan adalah bervariasi daripada unsur bahasa yang terkecil, iaitu sistem bunyi hinggalah kepada unsur bahasa yang paling besar, iaitu wacana. Menurut Lado (1966) AK juga melibatkan perbandingan dua budaya.

Kedua ; perbandingan unsur bahasa yang terbabit dilakukan secara sinkronis atau deskriptif, iaitu membuat perbandingan dalam suatu masa yang tertentu dan terbatas tanpa melibatkan perkembangan historis daripada bahasa yang sedang dibandingkan.

Ketiga ; hasil perbandingan tersebut adalah untuk pelbagai keperluan, iaitu untuk tujuan pemahaman hinggalah untuk keperluan praktis, seperti untuk pengajaran, penterjemahan, dan penelitian (Lado, 1966). Dengan yang demikian, pengkajian AK meliputi pengkajian teoretis dan pengkajian praktis. Pengkajian teoretis bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang kebahasaan, manakala pengkajian praktis bertujuan untuk keperluan praktis, seperti pengajaran dan penyusunan bahan pengajaran (Zaitul Azma Zainon Hamzah & Rosli Talip, 2006).

Kajian ini melibatkan dua bahasa dari rumpun yang berlainan iaitu BS dari rumpun Indo-Eropah dan BM dari rumpun Austronesia untuk mencari dan mengkaji sebarang persamaan dan perbezaan yang terdapat pada pembentukan kata adjektif kedua bahasa. Hal ini diakui oleh Norizan Che Su (2009) dengan mengatakan bahawa bahasa adalah berbeza dari segi kedudukan geografi. Perbezaan bahasa dari segi linguistiknya dapat dilihat melalui aspek fonologi, morfologi, sintaksis, dan semantiknya. Justeru untuk menganalisis perbezaan dan persamaan bahasa ini dari segi linguistik, pendekatan analisis bezaan atau juga dikenali sebagai AK digunakan (Norizan Che Su, 2009).

Terdapat pelbagai kaedah yang dapat digunakan untuk mengkaji masalah pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing. Satu daripadanya ialah melalui analisis linguistik kontrastif. Menurut Corder (1993), kajian perbandingan atau kontrastif ini terbahagi kepada tiga iaitu kajian perbandingan intralingual, kajian perbandingan interlingual dan analisis kesilapan. Penyelidik menumpukan kajian beliau terhadap kajian perbandingan intralingual atau kajian kontrastif.

Kajian ini juga bertujuan untuk mengukur tahap kesukaran dan kesulitan yang dihadapi oleh pelajar dalam mempelajari BS terutamanya aspek pembentukan kata adjektif dengan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya. AK ini merupakan salah satu bidang yang dikaji di dalam linguistik terapan.

### **Pengajaran dan Pembelajaran BS di Malaysia**

Universiti Malaya (UM) merupakan universiti pertama yang menawarkan kursus-kursus bahasa asing seperti BS, BP, BJ, BA, bahasa Iban (Bib), BJ, (Blit), BT, bahasa Rusia (BR), bahasa Korea (BK), bahasa Vietnam (BV), dan bahasa Myanmar (BMy) pada tahun 1972. Pada tahun tersebut kursus bahasa asing ini ditawarkan oleh Pusat Bahasa yang kini dikenali sebagai Fakulti Bahasa dan Linguistik. BS ditawarkan kepada pelajar-pelajar sebagai kursus elektif. Selain itu juga, kursus ini ditawarkan sebagai kursus *major* untuk program Ijazah Pertama.

(<http://ccm.um.edu.my/ccm/navigation/academics/faculties/FLL/>)

Selain UM, kursus BS juga ditawarkan di IPTA yang lain di Malaysia sebagai kursus elektif. Antara IPTA yang menawarkan kursus BS adalah Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Mara (UITM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan sebagainya. Selain itu Malaysian Spanish Institute atau dikenali sebagai (MSI) juga memberi peluang kepada para pelajar yang mengikuti jurusan kejuruteraan untuk belajar BS sebagai persediaan sebelum mereka di hantar menyambung pelajaran mereka di Sepanyol dalam bidang automotif.

Kedutaan Sepanyol di Malaysia dan Insitut Cervantes di Kuala Lumpur memainkan peranan yang penting di dalam memperkembangkan pengajaran dan pembelajaran BS kepada pelajar dan guru-guru bahasa serta pensyarah BS di Malaysia. Kedutaan Sepanyol menyediakan peluang pembelajaran BS di Sepanyol kepada para pelajar dengan menyediakan biasiswa yang ditaja oleh Kementerian Hal Ehwal Luar (*Ministerio de Asuntos Exteriores*) manakala Institute Cervantes pula merupakan pihak yang bertanggungjawab memberi bantuan kepada universiti awam dan swasta dalam bentuk menyediakan latihan, kursus, bahan pengajaran dan pentadbiran yang berkaitan dengan BS.

Kursus BS ini juga ditawarkan sebagai kursus elektif di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di Tanjung Malim. Di UPSI, kursus BS mula ditawarkan kepada para pelajar pada tahun 2003 sebagai kursus audit, dan pada tahun 2008 kursus BS ditawarkan sebagai salah satu kursus elektif. Di samping mempelajari BM sebagai bahasa kebangsaan serta BI sebagai bahasa kedua, pelajar UPSI juga digalakkan untuk menguasai bahasa asing seperti BS, BG, BP, BJ, BC dan BA. Di UPSI, mereka dapat menimba ilmu pengetahuan daripada perbendaharaan yang ditulis dalam bahasa itu, dan juga untuk berhubung dalam situasi antarabangsa. Kursus BS yang ditawarkan kepada pelajar terdiri daripada tiga tahap iaitu BS komunikasi satu, dua dan tiga. Pelajar-pelajar yang mempelajari kursus BS ini tidak mempunyai asas langsung dalam BS.

Dalam pengajaran dan pembelajaran BS, kemahiran linguistik dan kebolehan berkomunikasi tidak harus dipisahkan, Hal ini kerana untuk berkomunikasi dengan baik kemahiran linguistik serta kemahiran komunikasi diperlukan. Tanpa kedua-dua kemahiran ini, objektif sebenar pembelajaran dan pengajaran BS atau bahasa asing yang lain tidak akan tercapai. Kemahiran linguistik yang perlu dikuasai oleh pelajar dalam mempelajari BS adalah merangkumi aspek seperti fonologi, morfologi, sintaksis, dan semantik. Antara aspek yang dikaji dalam linguistik ialah aspek fonetik, fonemik, morfologi dan sintaksis (Arbak Othman, 1983).

Pada umumnya, tujuan pengajaran BS di Institusi Pengajian Awam (IPTA) di Malaysia seperti di UM, UPM dan UPSI ialah untuk mencapai kemahiran membaca, menulis secara asas, kecekapan untuk berkomunikasi di samping meningkatkan pengetahuan dalam mempelajari aspek-aspek bahasa seperti morfologi dan sintaksis. Courtillon (2002) turut berpendapat bahawa penguasaan aspek bahasa yang baik bermula dengan keupayaan untuk membuat tanggapan terhadap aspek tersebut seperti katanya :

Untuk menguasai sesuatu kod komunikasi yang baru, pertamanya mestilah berupaya untuk menanggapi kod tersebut dari semua aspek; fonetik (fonem dan intonasi), leksikal (makna perkataan) dan morfosintaksis (penyusunan ayat, struktur dan tatabahasa). (Courtillon, 2002: 28)

Kemahiran berbahasa menurut Asmah Haji Omar (1980), apabila seseorang itu dapat menggunakan bahasa yang dipelajari dengan baik dan menurut nahu yang betul. Syarat menurut "nahu yang betul" sudah sekian lama dipatuhi dalam pengajaran bahasa, tidak kira kaedah mana yang diamalkan. Maka seperti yang dijangka, guru-guru bahasa dalam menjalankan tugas mereka memberi perhatian yang teliti kepada peraturan-peraturan dalam nahu, misalnya peraturan dalam pembentukan kata, ayat, pemakaian awalan dan akhiran dan sebagainya.

### **Morfologi BM dan BS**

Kajian ini merupakan kajian mengenai kata adjektif BS dan bandingannya dengan BM, oleh yang demikian, aspek morfologi turut dibincangkan dalam bab ini secara tidak langsung bagi menerangkan aspek pembentukan kata adjektif BM dan BS. Bidang morfologi merupakan bidang ilmu bahasa yang mengkaji perkataan dari segi struktur, bentuk dan penggolongan kata (Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood, 2008). Struktur kata dimaksudkan susunan bentuk bunyi atau lambang tulisan yang menjadi unit bahasa yang bermakna. Bentuk kata pula merujuk kepada rupa unit bahasa sama ada berbentuk tunggal atau hasil daripada proses pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan. Penggolongan kata ialah proses menjeniskan perkataan berdasarkan keserupaan bentuk atau fungsi, atau bentuk dan fungsinya. Perkataan yang mempunyai keserupaan yang bentuk dan fungsi digolongkan ke dalam golongan kata yang sama. Penggolongan kata dalam BM terdiri daripada kata nama, kata kerja, kata adjektif, kata ganti nama, kata hubung, kata bantu dan sebagainya (Nik Safiah Karim *et al*, 2008). Kata adjektif dapat dibahagikan kepada sembilan jenis seperti yang berikut:

- i) Kata adjektif sifat/keadaan
- ii) Kata adjektif warna
- iii) Kata adjektif ukuran
- iv) Kata adjektif bentuk
- v) Kata adjektif waktu
- vi) Kata adjektif jarak
- vii) Kata adjektif cara
- viii) Kata adjektif perasaan
- ix) Kata adjektif pancaindera

(Nik Safiah Karim *et al*, 2008)

Pembentukan kata adjektif dalam BM terdiri daripada bentuk tunggal, bentuk terbitan, bentuk ganda, bentuk majmuk dan bentuk bandingan. Bentuk tunggal terdiri hanya satu perkataan sahaja, bentuk terbitan adalah bentuk yang menerima imbuhan untuk menerbitkan kata baharu daripada satu kata akar. Imbuhan yang terlibat dalam membentuk kata adjektif seperti imbuhan awalan, apitan dan sisipan, Misalnya daripada kata adjektif **besar** kita dapat menerbitkan kata adjektif yang lain seperti **sebesar, terbesar** dan **besar-besaran**. Berdasarkan ciri-ciri penggunaan imbuhan yang begitu banyak, BM digolongkan sebagai bahasa aglutinatif (Asmah Omar, 2008). BM juga banyak menggunakan kaedah penggandaan sebagai salah satu cara menerbitkan kata-kata yang baharu daripada kata akar. Penggandaan bermaksud proses melekatkan unsur gandaan kepada kata akar untuk mewujudkan kata yang baharu. Sebagai contoh, kata adjektif **besar** menjadi **besar besar**. Satu lagi kaedah yang digunakan dalam membentuk kata yang baharu dalam BM adalah melalui kaedah pemajmukan yang merupakan proses menggabungkan dua kata, seperti **besar kepala, besar hati** dan sebagainya. Kata-kata ini akan membawa maksud yang satu sahaja. Kata aglutinatif bermakna melekatkan. Apabila menggunakan kaedah pengimbuhan dan penggandaan, kata akar dilekatkan dengan imbuhan dan gandaan (Asmah Omar, 2008).

Pembentukan kata adjektif BS melibatkan aspek seperti pengimbuhan, pemendekan, genus, bilangan, bandingan dan tahap kepalangan (Mariyati Mohd Nor, 2008). Perbezaan bentuk kata adjektif antara bahasa ibunda pelajar iaitu BM dan bahasa asing yang dipelajari pelajar iaitu BS menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pelajar. Oleh yang demikian, pengajar bahasa asing harus peka dengan perbezaan yang terdapat dari segi genus, bilangan, bentuk dan struktur ayat dalam menggunakan kata adjektif. Para pelajar seharusnya memahami perbezaan yang wujud ini dan patuh kepada sistem yang tepat apabila menggunakan BS terutamanya dalam pertuturan dan penulisan.

Freeman(1986) menyebut bahawa antara cabaran utama dalam pembelajaran bahasa asing adalah membantu pelajar mengatasi masalah yang wujud akibat pengaruh bahasa ibunda. Pengaruh negatif yang wujud ini antara lainnya, berpunca dari aspek perbezaan antara bahasa asing yang dipelajari dengan bahasa ibunda. Setelah perbezaan ini dikenal pasti, pelajar hendaklah diperingatkan tentang perbezaan ini bagi mengelakkan daripada salah pengadaptasian bahasa ibunda terhadap bahasa asing.

Terdapat enam bentuk kata adjektif BS iaitu bentuk kata adjektif berdasarkan genus, bentuk adjektif berdasarkan bilangan, bentuk yang tidak berubah dari segi genus, bentuk pemendekan kata adjektif, bentuk superlatif dan darjah kepalangan (Mariyati Mohd Nor, 2008). Aspek persamaan dibincangkan dalam kajian ini kerana aspek ini akan membantu pelajar memahami dengan lebih baik penggunaan adjektif BS dalam penulisan karangan pelajar. Manakala, aspek perbezaan pula dikaji bertujuan untuk melihat kekeliruan para pelajar dan masalah yang dihadapi dalam menghasilkan ayat adjektif BS yang betul dalam penulisan karangan pelajar. Bentuk kata adjektif BS mesti diselaraskan dengan kata nama dari segi genus dan bilangan. Kata nama tunggal harus dipadankan dengan kata adjektif bentuk tunggal dan kata nama jamak dipadankan dengan kata adjektif yang berbentuk jamak.

### **Bentuk Kata Adjektif Berdasarkan Genus**

Genus atau *gender* merupakan konsep yang ada pertindihan dengan jantina tetapi tidak secara keseluruhannya. Dalam BS genus merujuk kepada kategori nahu, sedangkan dalam BM genus merujuk kepada kategori yang berdasarkan jantina manusia dan haiwan, sama ada lelaki atau perempuan, jantan atau betina. BS yang mempunyai genus sebagai kategori nahu merujuk kepada lelaki/jantan sebagai kategori maskulin dan perempuan/betina sebagai kategori feminin. Perbezaan

antara kategori ini dilanjutkan kepada benda-benda lain yang tidak bernyawa seperti meja, rumah, benda-benda konkrit atau abstrak yang lain (Asmah Omar, 2008).

Perbezaan antara bentuk maskulin dan feminin dapat dilihat pada bentuk kata (misalnya ada akhiran khusus untuk kata nama maskulindan feminin) seperti dalam BS, *maestro*(ma'estro)'**guru lelaki**' yang berakhir dengan huruf 'o'dan *maestra* (ma'estra)'**guru perempuan**'yang berakhir dengan huruf 'a'. Perbezaan bentuk antara *casa*('kasa)'**rumah**'iaitu kategori perkataan feminin dan *libro*('liβro)'**buku**'kategori perkataan maskulin tidak ada kaitan dengan jantina, tetapi bergantung pada akhiran bentuk kata adjektif yang berbeza. Perbezaan antara kategori yang menunjukkan genus dalam BS, boleh dilihat dari segi penggunaan artikel *el, la, los, las* pada kata nama. Misalnya, *la casa*(la 'kasa)(feminin) yang bermakna '**rumah itu**', *el libro*(el 'liβro)(maskulin) yang bermakna '**buku itu**'. Jika dalam BM, genus hanya merujuk kepada manusia iaitu lelaki dan perempuan serta betina dan jantan untuk haiwan. Sebagai contohnya dari segi bentuk genus, semua perkataan adjektif haruslah feminin sekiranya kata nama yang diterangkan merupakan kategori feminin, dan kata nama maskulin mesti diikuti dengan kata adjektif maskulin. Kata adjektif yang berbentuk teratur, iaitu merujuk kepada bentuk yang berakhir dengan huruf 'o' seperti *pequeño*(pe'kepo) yang bermaksud '**kecil**' merujuk kepada genus maskulin. Contohnya : *El niño es pequeño*(el 'niño es pe'kepo) bermaksud **budak lelaki itu adalah kecil**. Tetapi sekiranya kata adjektif yang digunakan merupakan kata nama feminin, ayat yang terhasil seperti berikut: *La niña es pequeña*(la 'niña es pe'kepa). *Niña* adalah '**budak perempuan**' yang tergolong dalam genus feminin, dan kata adjektif feminin *pequeña* digunakan. Mengikut tatabahasa BM, kata adjektif 'kecil' yang digunakan dalam ayat tidak dipengaruhi oleh genus 'subjek' yang dirujuk. Hal ini kerana kata adjektif dalam BM tidak mempunyai penggolongan jantina seperti BS, dan kata adjektif ini bebas digunakan tanpa perlu mengalami perubahan bentuk perkataan. Kata adjektif '**kecil**' digunakan untuk menerangkan kata nama yang merujuk kepada lelaki atau perempuan dan ianya juga digunakan pada objek tidak bernyawa seperti '**rumah itu kecil**'. Jadual 1.1 menunjukkan perbezaan bentuk kata adjektif berdasarkan genus dalam BS dan BM.

**Jadual 1.1 Bentuk Kata Adjektif Berdasarkan Genus BS dan BM**

BS	BM
Bentuk tunggal (Maskulin)	Bentuk Tunggal (Maskulin)
<i>El niño es pequeño</i> (el 'niño es pe'kepo) 'budak lelaki itu adalah kecil'	Budak lelaki itu adalah <b>kecil</b>
Bentuk tunggal (Feminin)	Bentuk Tunggal (Feminin)
<i>La niña es pequeña</i> (la 'niña es pe'kepa) 'budak perempuan itu adalah kecil'	Budak perempuan itu adalah <b>kecil</b>

### Bentuk Kata Adjektif Berdasarkan Bilangan

Manakala bagi bentuk yang kedua iaitu bentuk adjektif berdasarkan bilangan yang merujuk kepada kata nama boleh hitung berbentuk tunggal atau jamak. Dalam BS terdapat dua cara untuk menjamakkan kata nama. Sekiranya kata nama yang digunakan berbentuk jamak maka kata adjektif yang mengikutinya harus dijamakkan juga. Dua cara menjamakkan kata adjektif iaitu menambahkan imbuhan 's' kepada kata yang berakhir dengan vokal dan 'es' untuk kata yang berakhir dengan konsonan. Sebagai contoh bentuk tunggal *la casa*'**rumah itu**' berubah menjadi bentuk jamak *las casas*(las 'kasas)'**rumah-rumah itu**'. Bentuk tunggal *el pared*(el pa'reð)'**dinding itu**' diimbuhkan dengan imbuhan 'es' menjadi *los paredes*(los pa'reðes)'**dinding-dinding itu**'. Dalam BM, kata nama tunggal yang dijamakkan tidak dipengaruhi oleh imbuhan akhiran seperti BS. Kata nama dalam BM diberi dalam bentuk yang neutral dari segi jumlah, seperti kereta, manusia, kerusi dan sebagainya yang boleh membawa pengertian tunggal atau lebih. Untuk lebih jelas, pengandaian digunakan

dalam bentuk jamak seperti kereta-kereta, kanak-kanak(lebih daripada satu kereta dan seorang kanak). Penggandaan dalam BM terdiri daripada penggandaan penuh, separa dan berentak. Dalam konteks penggunaan kata bilangan dalam BM, pengertian jumlah boleh dibawa dengan penggunaan kata bilangan yang diikuti dengan penjodoh bilangan dan kata kuantiti seperti seorang guru dalam bentuk tunggal dan dua orang guru dalam bentuk jamak (Asmah Omar, 2008). Jadual 1.2 menunjukkan contoh perbezaan bentuk kata adjektif berdasarkan bilangan tunggal dan jamak dalam BS dan BM.

**Jadual 1.2: Bentuk Kata Adjektif Berdasarkan Bilangan Tunggal dan Jamak Dalam BS dan BM**

BS	BM
<b>Bentuk tunggal (Maskulin)</b>	<b>Bentuk tunggal (Maskulin)</b>
<i>El niño es pequeño</i> (el 'niño es pe'keño) 'budak lelaki itu adalah kecil'	Budak lelaki itu adalah kecil
<b>Bentuk jamak</b>	<b>Bentuk jamak</b>
<i>Los niños son pequeños</i> (loz 'niños som pe'keños) 'budak-budak lelaki itu adalah kecil'	Budak-budak lelaki itu adalah kecil
<b>Bentuk tunggal (Feminin)</b>	<b>Bentuk tunggal (Feminin)</b>
<i>La niña es pequeña</i> (la 'niña es pe'keña) 'budak perempuan itu adalah kecil'	Budak perempuan itu adalah kecil
<b>Bentuk jamak</b>	<b>Bentuk jamak</b>
<i>Las niñas son pequeñas</i> (laz 'niñas som pe'keñas) 'budak-budak perempuan itu adalah kecil'	Budak-budak perempuan itu adalah kecil

Dari segi susunan kata adjektif BS di dalam ayat, persamaan dapat dilihat dalam ayat BM. Ayat BS dan BM dimulai dengan kata nama diikuti dengan kata adjektif. Perbezaan bentuk ayat BS dan BM merujuk kepada penggunaan kata adjektif BS yang boleh hadir selepas kata kerja 'es' iaitu *La niña es pequeña* (la 'niña es pe'keña) dan juga boleh hadir selepas kata nama *niña* seperti ayat dalam BM iaitu *Una niña pequeña* ('una 'niña pe'keña) 'seorang budak perempuan kecil'.

### Bentuk Kata Adjektif Tidak Berubah Dari Segi Genus

Bentuk kata adjektif yang ketiga iaitu yang tidak berubah dari segi genus terbahagi kepada beberapa huruf akhiran kata tersebut yang berakhir dengan huruf 'e, a, l, n, z dan r'. Bentuk ini tidak berubah apabila dipadankan dengan kata nama maskulin atau feminin. Sebagai contohnya: kata adjektif bentuk ini adalah seperti *inteligente* (inteli'xente) 'bijak', *optimista* (opti'mista) 'optimis', *difícil* (difi'θil) 'susah/sukar', *joven* (xoβen) 'muda', *feliz* (fe'liθ) 'gembira' dan *mejor* (me'xo) 'lebih baik'. Contoh dalam penggunaan ayat adalah seperti berikut:



**Jadual 1.3 Bentuk Kata Adjektif Yang Tidak Berubah Dari Segi Genus**

Item	Maskulin	Feminin
1.	<i>Él es inteligente</i> (‘el es intelixente) <b>Dia(lelaki) ialah seorang yang bijak</b>	<i>Ella es inteligente</i> (eʎa es inteli‘xente) <b>Dia(perempuan) ialah seorang yang bijak</b>
2.	<i>Mi padre es optimista</i> (mi ‘paðre es optimista) <b>Ayah saya ialah seorang yang optimis</b>	<i>Mi madre es optimista</i> (mi ‘maðre es optimista) <b>Ibu saya ialah seorang yang optimis</b>
3.	<i>Él problema es difícil</i> (el proβ‘lema ez difi‘θil) <b>Masalah itu adalah sukar</b>	<i>La situación es difícil</i> (la sitwa‘θjon ez difi‘θil) <b>Situasi itu adalah sukar</b>
4.	<i>Mi hermano es joven</i> (mi er‘mano es xo‘βenn) <b>Abang saya adalah muda</b>	<i>Mi hermana es joven</i> (mi er‘mana es ‘xoβen) <b>Kakak saya adalah muda</b>
5.	<i>Carlos está feliz</i> (‘karlos es‘ta feliθ) <b>Carlos berasa gembira</b>	<i>Maria está feliz</i> (marja es‘ta fe‘liθ) <b>Maria berasa gembira</b>
6.	<i>El coche es mejor</i> (el ‘kotʃe ez me‘xor) <b>Kereta itu adalah lebih baik</b>	<i>La casa es mejor</i> (la ‘kasa ez me‘xor) <b>Rumah itu lebih adalah baik</b>

Walaupun bentuk ayat ini tidak mengambil kiraperbezaan genus maskulin dan feminin namun aspek bilangan bentuk ini sering menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pelajar. Sebahagian kata adjektif bentuk ini yang berakhir dengan huruf ‘z’ seperti *feliz*(fe‘liθ) ‘gembira’, *capaz*(ka‘paθ) ‘berupaya’ akan mengalami perubahan bentuk akhirnya apabila dijamakkan. Huruf akhiran ‘z’ akan berubah menjadi ‘c’ apabila diimbuhkan dengan imbuhan ‘es’ dan berubah menjadi *felices*(fe‘liθes) dan *capaz* berubah menjadi *capaces*(ka‘paθes). Pelajar sering mengalami kegagalan dalam menggunakan bentuk jamak ini dan kesalahan penggunaannya dirumuskan dalam bab empat. Jadual berikut merujuk kepada perbezaan dan persamaan bentuk kata adjektif yang tidak berubah dari segi genus antara BS dan BM.

**Jadual 1.4: Bentuk Kata Adjektif Tidak Berubah Dari Segi Genus BS Dan BM**

Item	BS	BM
1.	<i>Él es inteligente</i> (‘el es intelixente) <i>Ellos son inteligentes</i> (‘eʎos son inteli‘xentes)	Dia(lelaki) adalah seorang yang <b>bijak</b> Mereka adalah <b>bijak</b>
2.	<i>Mi padre es optimista</i> (mi ‘paðre es optimista) <i>Mis padres son optimistas</i> (mis ‘paðres son opti‘mistas)	Ayah saya adalah seorang yang <b>optimis</b> Ibu bapa saya adalah <b>optimis</b>
3.	<i>Él problema es difícil</i> (el proβ‘lema ez difi‘θil) <i>Los problemas son difíciles</i> (los proβ‘lemas son difi‘θiles)	Masalah itu adalah <b>sukar</b> Masalah-masalah itu adalah <b>sukar</b>
4.	<i>Mi hermano es joven</i> (mi er‘mano es xo‘βenn) <i>Mis hermanos son jóvenes</i> (mis er‘manos son xo‘βenes)	Abang saya adalah <b>muda</b> Adik beradik saya adalah <b>muda</b>
5.	<i>Estoy feliz</i> (es‘toi‘feliθ) <i>Estamos felices</i> (es‘tamos fe‘liθes)	Saya berasa <b>gembira</b> Kami berasa <b>gembira</b>
6.	<i>El coche es mejor</i> (el ‘kotʃe ez me‘xor) <i>Los coches son mejores</i> (los ‘kotʃes som me‘xores)	kereta itu adalah lebih <b>baik</b> kereta-kereta itu adalah lebih <b>baik</b>

Contoh pada jadual 1.4 menunjukkan bahawa kata adjektif yang sama digunakan dalam menerangkan kata nama maskulin dan feminin dalam BS dan BM. Walaubagaimanapun, perbezaan

dapat dilihat dalam BS apabila kata adjektif ini digunakan untuk menerangkan kata nama yang bersifat jamak. Apabila kata nama dijamakkan, kata adjektif yang digunakan turut dijamakkan. Penambahan imbuhan 's' untuk kata adjektif yang berakhir dengan vokal dan imbuhan 'es' untuk kata yang berakhir dengan konsonan. Walaubagaimanapun, kata adjektif yang berakhir dengan huruf 'z' seperti *feliz* 'gembira' dan *capaz* 'berupaya' diubah bentuknya menjadi *felices*, *capaces* apabila diimbuhkan imbuhan 'es' kepadanya. Perubahan berlakunya kerana huruf akhiran 'z' yang hadir sebelum atau selepas vokal 'e' dan 'i' dalam bentuk jamak perlu ditukarkan menjadi 'c'. Hal ini kerana vokal 'e' dan 'i' tidak boleh digunakan dengan konsonan 'z' tetapi digunakan dengan konsonan 'c'. Berbeza dengan sistem pembentukan kata adjektif BM bentuk jamak, kata nama diubah dengan menggandakannya atau menambahkan kata bilangan seperti penjodoh bilangan atau kata kuantiti sedangkan kata adjektif yang sama digunakan.

### Pemendekan kata adjektif BS

Dalam BS juga wujud bentuk pemendekan kata adjektif. Kata adjektif asal yang mengalami proses pemendekan boleh membawa maksud yang sama dan berbeza. Antara kata adjektif yang boleh dipendekkan bentuknya seperti kata adjektif *grande* (g'rande) menjadi *gran* (gran) 'besar/hebat', *bueno* ('bweno) – *buen* (bwen) 'baik', *primero* (pri'mero) – *primer* (pri'mer) 'pertama/utama' dan sebagainya. Bentuk pemendekan kata adjektif ini tidak wujud dalam sistem tata bahasa BM dan keadaan ini mewujudkan kekeliruan dalam kalangan pelajar. Selain bentuk di atas, kata adjektif *pequeño/a* dan kata adjektif yang lain juga boleh mengalami perubahan fungsi makna sekiranya ditambah dengan unsur keterangan seperti kata penguat, dan menunjukkan darjah bandingan dan kepalingan. Sebagai contoh:

- i) Kata penguat  
*El niño es muy pequeño* (el 'niño ez 'mui pe'keño) 'budak lelaki itu adalah sangat kecil'
- ii) Darjah Perbandingan
  - a) Darjah kelebihan  
*El niño es mas pequeño que su hermano menor* (el 'niño ez mas pe'keño ke su er'mano me'nor) 'budak lelaki itu adalah lebih kecil daripada adiknya'
  - b) Darjah kesamarataan  
*El niño es tan pequeño como su hermano menor* (el 'niño es tam pe'keño 'komo su er'mano me'nor) 'budak lelaki itu adalah sama kecil seperti adiknya'
  - c) Darjah kekurangan  
Dalam kes ini perkataan *pequeño* kurang sesuai digunakan kerana ianya salah dari segi nahu. Sebagai contoh:  
*El niño es menos pequeño que su hermano menor* (el 'niño ez 'menos pe'keño ke su er'mano me'nor) 'budak lelaki itu adalah kurang kecil daripada adiknya'  
Tetapi kata adjektif *inteligente* "bijak" lebih menepati penggunaannya.  
*El niño es menos inteligente que su hermano menor* (el 'niño ez 'menos inteli'xente ke su er'mano me'nor) 'budak lelaki itu adalah kurang bijak daripada adiknya'

### Darjah Kepalingan

Terdapat dua darjah penghabisan atau tingkat superlatif untuk menyatakan darjah yang paling tinggi dalam BS, iaitu tahap superlatif keseluruhan dan relatif. Bagi tahap superlatif keseluruhan, penambahan imbuhan akhiran – *ísimo/a* pada kata adjektif seperti *pequeñísimo/a* (pekeñi'simo/a) 'sangat kecil' atau penambahan *ito/a* menjadi *pequeñito/a* (pekeñito'o/a) yang membawa maksud yang sama. Manakala tahap superlatif relatif pula, penambahan perkataan seperti *super* dan *extra* 'lebih' boleh digunakan untuk menunjukkan darjah penghabisan superlatif. Sebagai contohnya dalam ayat berikut: *El niño es pequeñísimo* (el 'niño es pekeñi'simo) 'budak itu adalah sangat-

**sangatkecil'** dan *El niño es super pequeño* (el 'niño es su'per pe'keño) '**budak itu adalah sangat-sangatkecil'**. Kata adjektif *pequeño* juga tergolong dalam jenis kata adjektif sifat.

Contoh-contoh tersebut menunjukkan persamaan dan perbezaan ciri/ fungsi/bentuk yang ketara diantara kedua-dua bahasa yang berlainan rumpun ini. Ciri-ciri BS dapat dijelaskan kepada beberapa peringkat berikut: a) mempunyai bentuk derivasi dan infleksi b) membezakan antara maskulin dan feminin (benda bernyawa dan tidak bernyawa) c) mempunyai kata tunggal, dual, dan kata jamakd) perubahan pada perkataan atau susunannya dalam ayat akan melibatkan perubahan makna serta hubungan antara setiap perkataan dalam struktur ayat dapat dilihat tanda kasus/baris pada akhir setiap perkataannya. Antara ciri yang ada pada BM yang membezakan dengan BS iaitu a) perbezaan antara maskulin dan feminin, genus yang terlibat adalah benda yang bernyawa sahaja. b) tiada kelainan antara kata tunggal, dual dan jamak. c) perubahan makna tidak berlaku disebabkan fungsi sesuatu golongan kata, tetapi adalah disebabkan faktor kedudukan perkataan dalam struktur ayat dan tidak memerlukan tanda kasus/baris pada perkataannya (Wan Moharani & Muhammad Marwan, 2008).

Perbandingan bentuk kata adjektif BS dan BM akan diuraikan secara jelas dan terperinci oleh penyelidik dalam bab analisis data. Kajian ini bertujuan untuk melihat aspek persamaan dan perbezaan antara kedua bahasa ini. Persamaan bentuk kata adjektif dapat membantu pelajar mempelajari dan memudahkan penguasaan BS, sedangkan aspek perbezaan bentuk kata adjektif boleh menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pelajar dan mendatangkan masalah sepanjang proses pembelajaran. Kajian ini juga melihat aspek penggunaan bentuk kata adjektif yang digunakan oleh pelajar dalam penulisan karangan dan kesalahan penggunaannya secara sistematik juga akan dibincangkan dalam bab yang sama.

### **Penyataan Masalah**

Penyelidik terpenggil untuk mengkaji aspek pembentukan kata adjektif BS yang dipelajari oleh pelajar melalui pendekatan perbandingan dengan BM iaitu bahasa ibunda pelajar dalam pembelajaran BS di Malaysia. Hal ini kerana BS sebagai bahasa asing mempunyai sistem bahasa yang berbeza dengan bahasa ibunda pelajar dan kekeliruan sering kali wujud sepanjang proses pembelajaran. Terdapat beberapa kelemahan telah dikenal pasti semasa proses pembelajaran BS, antaranya kekeliruan struktur tatabahasa dengan BM, pembentukan kata adjektif yang pelbagai dan tidak konsisten, pengaruh bahasa ibunda pelajar, konjugasi kata kerja yang kompleks, persekitaran yang kurang membantu, kegagalan menguasai struktur tatabahasa BS, sikap serta motivasi pelajar sendiri dan perbezaan yang ketara diantara BS dan BM (Salina Husain, 2010). Perbezaan diantara sistem kedua-dua bahasa tersebut dianggap penyebab kepada kegagalan pelajar dalam menguasai sesuatu bahasa. Kegagalan akan menyebabkan pelajar melakukan kesilapan khususnya di dalam pembentukan ayat-ayat yang gramatis dan ianya dikira sebagai unsur negatif yang mengganggu proses pembelajaran bahasa dan harus dielakkan. Oleh yang demikian, perbezaan yang ketara antara sistem BM yang merupakan bahasa ibunda pelajar dan BS sebagai bahasa sasaran pelajar haruslah dikaji.

Walaupun terdapat kajian sebelum ini yang mengkaji perbandingan diantara BS dan BM, iaitu kajian Alicia (1996) dan Salina Husain (2010) namun fokus kajian yang dilakukan hanya menumpukan kepada tahap penguasaan konjugasi kata kerja sahaja, sedangkan kata adjektif juga penting untuk dikaji. Hal ini adalah kerana kata adjektif merupakan salah satu aspek yang penting dalam penguasaan bahasa asing. Ini bertepatan dengan apa yang diperkatakan oleh Siti Aishah Ashari (2005) iaitu pelajar atau penutur memerlukan sistem kata adjektif dan perlu memahaminya untuk mengembangkan ayat atau menggambarkan sesuatu apabila berinteraksi. Kajian oleh Alicia (1996) mengenai kata kerja *ser* dan *estar* yang membawa makna 'akan menjadi', namun belum mencukupi untuk menilai tahap kemahiran pelajar. Begitu juga dengan kajian Salina Husain (2010) yang mengkaji kata kerja yang terdapat dalam teks cerita pendek BS yang digunakan dan

diterjemahkan ke dalam BM seperti kata kerja *dibujar* (melukis), *leer* (membaca), *jugar* (bermain) dan lain-lain. Kajian Edison (2007) juga melihat masalah penggunaan kata kerja nalar dan tidak nalar dalam kalangan pelajar. Namun, masalah yang dihadapi pelajar bukan hanya melibatkan kata kerja sahaja tetapi melibatkan penggunaan kata adjektif. Pelajar sering keliru dengan bentuk kata adjektif BS yang pelbagai dan kesilapan sering dilakukan dalam penulisan karangan yang dihasilkan. Kesilapan ini mengganggu proses pembelajaran pelajar dan harus dielakkan.

Melalui pemerhatian dan pengamatan yang dilakukan oleh Mariyati Haji Mohd Nor (2005-2010), pelajar yang mempelajari BS mengalami masalah dalam menentukan kata adjektif berdasarkan genus dan bilangan kata nama. Selain itu, pelajar juga keliru dengan enam bentuk kata adjektif BS yang pelbagai. Fokus kajian ini bertujuan melihat persamaan dan perbezaan enam bentuk kata adjektif BS yang menimbulkan kekeliruan dan masalah dalam kalangan pelajar iaitu bentuk kata adjektif berdasarkan genus, bentuk adjektif berdasarkan bilangan, bentuk yang tidak berubah dari segi genus, bentuk pemendekan kata adjektif, bentuk superlatif dan darjah kepalangan. Kesempatan ini diambil oleh penyelidik untuk melihat aspek pembentukan kata adjektif kedua bahasa serta bandingannya agar kesilapan pelajar dapat diminimumkan.

Kekurangan kosa kata dalam BS juga akan menyebabkan pelajar kurang berkeyakinan pada diri sendiri dan faktor utama pembelajaran sesuatu bahasa adalah penguasaan pemahaman yang berkaitan dengan sistem tata bahasa bahasa tersebut. Hal ini juga ditegaskan oleh Morgan & Rinvolucry (1983) yang melihat kosa kata amat penting bagi pelajar bahasa asing. Menurut Akmajian pula, (2000) pengetahuan dan pemahaman leksikal sesuatu bahasa hendaklah meliputi maklumat fonologi, morfologi, sintaksis, semantik dan pragmatik setiap kata yang dipelajari. Pandangan di atas jelas menunjukkan betapa setiap sistem itu saling mempunyai kaitan dan pelajar perlu menguasai kesemuanya agar pemahaman dan penguasaan bahasa asing dapat dipelajari dengan baik. Dalam kajian ini, penyelidik melihat kekurangan penguasaan kosa kata adjektif menyebabkan pelajar menggunakan bahasa ibunda iaitu BM dan bahasa yang diketahui seperti BI dalam penulisan karangan yang ditulis bagi menggantikan kata adjektif yang tidak dikuasai oleh mereka. Kesilapan dari segi terjemahan juga berlaku akibat daripada kekurangan kosa kata bahasa yang dipelajari.

Lompang kosong yang terdapat dalam kajian Alicio (1996), Salina Husain (2010) dan juga kajian-kajian lain yang dibincangkan dalam bab dua telah membawa kepada pengkajian berkaitan dengan perbandingan bentuk kata adjektif BS dan BM, dengan penumpuan kepada empat objektif yang dirancang. Kajian AK ini dipilih untuk dijalankan dengan matlamat membantu memperbaiki keupayaan pelajar memahami bentuk kata adjektif BS yang pelbagai dan bandingannya dengan BM. Seterusnya membantu mereka memperbaiki keupayaan untuk menggunakan kata adjektif dengan betul dan tepat dalam penulisan karangan yang ditulis melalui aspek persamaan dan perbezaan yang dianalisis. Martinez (2006) menyatakan bahawa AK dapat membantu pensyarah atau guru mengatasi masalah dalam pembelajaran BS. Martinez (2006) juga ada menyebut AK dalam pembelajaran bahasa asing adalah perlu kerana sistem bahasa asing dan bahasa ibunda pelajar adalah sangat berbeza. Melalui kajian ini, masalah yang berkaitan dengan penguasaan aspek morfologi di dalam pembelajaran BS oleh pelajar Melayu khususnya aspek kata adjektif dapat dikenal pasti dalam penulisan karangan dan seterusnya langkah yang sesuai bagi membantu memperbaiki masalah tersebut dapat dicadangkan.

## **Persoalan Kajian**

Penyelidik membincangkan permasalahan yang wujud dalam kalangan pelajar yang mempelajari BS sebagai bahasa asing berkaitan dengan penggunaan kata adjektif yang sering menimbulkan kekeliruan kepada mereka sepanjang proses pembelajaran BS. Kekeliruan yang berlaku di sebabkan bentuk kata adjektif BS yang pelbagai dan berubah mengikut fungsi dan kegunaannya.

Persoalan yang ada dihubungkan dengan objektif dalam kajian ini bagi memudahkan penyelidik membuat kajian. Penyelidik cuba untuk menghuraikan perbezaan dan persamaan bentuk kata adjektif yang terdapat dalam kedua bahasa. Perbezaan menyebabkan wujudnya kekeliruan pelajar untuk mempelajari pembentukan kata adjektif dalam kedua-dua bahasa. Penyelidik mengambil pendekatan untuk mengenal pasti dan menganalisis setiap persamaan dan perbezaan yang wujud dalam kata adjektif kedua-dua bahasa agar persoalan berkaitan dengan kekeliruan untuk memahami dan mempelajari BS dapat diatasi. Oleh yang demikian penyelidik telah menyenaraikan empat persoalan seperti berikut.

1. Apakah bentuk kata adjektif BS dan BM
2. Apakah masalah yang wujud menyebabkan mereka sering keliru dalam penggunaan kata adjektif BS?
3. Bagaimanakah penggunaan kata adjektif BS dalam karangan pelajar?
4. Apakah jenis-jenis kesilapan kata adjektif yang dilakukan pelajar

Semua persoalan yang dikemukakan ini dapat menjawab objektif yang dirancang dalam kajian bagi memudahkan kajian ini dilakukan.

### **Objektif Kajian**

Salah satu faktor kegagalan menguasai BS dengan baik ialah kelemahan menguasai tabahasanya, terutamanya penggunaan kata adjektif BS yang merupakan aspek penting dalam pembelajaran bahasa. Penyelidik akan membuat penelti dan kupasan bagi setiap data yang diperolehi dalam aktiviti yang dijalankan dengan mengambil kira dan memberi perhatian kepada objektif dalam kajian seperti berikut.

1. Mengenal pasti bentuk kata adjektif BS dan BM
2. Menganalisis perbandingan (perbezaan dan persamaan) pembentukan kata adjektif BS dengan BM
3. Menganalisis penggunaan bentuk kata adjektif BS dalam karangan pelajar Melayu di UPSI
4. Merumuskan jenis-jenis kesilapan penggunaan bentuk kata adjektif dalam penulisan karangan BS

Berdasarkan objektif yang dinyatakan, penyelidik akan berusaha mencari penyelesaian kepada masalah pembelajaran kata adjektif BS ini dengan harapan pelajar dapat meminimumkan kesilapan yang sering berlaku semasa pembelajaran BS.

### **Kepentingan Kajian**

Kajian bandingan ini bertujuan memudahkan proses pengajaran bahasa (Qaddur, 1996). Ini kerana pengenalan perbezaan antara kedua-dua bahasa yang dibandingkan akan dapat menjelaskan masalah yang dihadapi dalam bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa asing. Sebagai contohnya pelajar Melayu yang ingin mempelajari BS akan berdepan dengan kesulitan kesan perbezaan yang wujud antara bahasa sasaran dengan bahasa ibunda tersebut. Sesuatu kebiasaan yang terdahulu boleh mempengaruhi seseorang dalam mempelajari kemahiran yang baru dan perbezaan antara kedua bahasa ini, boleh membawa kepada kesalahan bahasa yang berterusan.

Kajian bandingan ini akan turut menambah minat para pelajar dalam mempelajari BS kerana ia mengaitkan proses pengajaran bahasa tersebut dengan BM yang sudah diketahui oleh mereka. Perkara ini tidak langsung menolong mempercepatkan penguasaan bahasa asing memandangkan mereka dapat menggunakan maklumat tentang bahasa ibunda yang telah sedia ada dalam diri bagi mempelajari bahasa yang lain (Ghazali, 2000).

Menurut Freeman (1986) dalam kaedah pengajaran nahu terjemahan, perhatian diberikan terhadap persamaan yang terdapat antara bahasa sasaran dengan bahasa ibunda. Pengetahuan tentang persamaan ini bertujuan memudahkan proses pembelajaran. Maklumat berkaitan bahasa ibunda (BM) yang telah sedia ada dalam diri pelajar dapat digunakan untuk mempelajari perkara baharu dalam bahasa asing (BS). Hal ini dapat mempermudah para pelajar memahami BS yang sedang dipelajari. Selain itu, ia juga mendorong pelajar merasakan diri mereka lebih dekat dengan BS serta mengetahui bahawa BS juga mempunyai aspek-aspek persamaan dengan bahasa ibunda mereka iaitu BM. Pemahaman berkenaan dengan persamaan ini juga dapat mengurangkan perasaan takut terhadap perkara baharu yang mungkin wujud dalam diri pelajar.

Freeman (1986) turut menyebut bahawa antara cabaran utama dalam pembelajaran bahasa asing adalah membantu pelajar mengatasi masalah yang wujud akibat pengaruh bahasa ibunda. Pengaruh negatif yang wujud ini antara lainnya, berpunca dari aspek perbezaan antara bahasa asing (BS) dan bahasa ibunda (BM). Oleh yang demikian, perbandingan bagi mencari perbezaan antara kedua bahasa perlu dijalankan. Setelah perbezaan ini dikenalpasti, maka para pelajar hendaklah diperingatkan tentang perbezaan ini agar kesilapan dan kesalahan penggunaan tatabahasa atau kata adjektif dapat dielakkan. Peringatan ini boleh dianggap sebagai satu penanda menyebabkan pelajar lebih berhati-hati apabila bertemu dengan ciri perbezaan dalam penggunaan BS.

Hasil kajian yang dilakukan oleh penyelidik ini penting dalam memberikan gambaran sebenar bagaimana ciri-ciri, struktur dan pembentukan kata adjektif BS dan BM di samping dapat memberikan garis panduan kepada guru bahasa dan pensyarah BS dalam mengajar kata adjektif kepada para pelajar dan para pelajar dapat menjadikan kajian ini sebagai bahan rujukan dalam pembelajaran mereka.

Kajian bandingan ini juga akan memberi gambaran kepada penyelidik lain yang berminat untuk melakukan kajian terhadap bahasa Eropah yang lain dalam konteks pembelajaran dan pengajaran bahasa yang mempunyai struktur bahasa yang sama.

Kajian tentang kata adjektif ini secara tidak langsung dapat membantu mencari satu alternatif baru ke arah menangani kelemahan dalam penguasaan kata adjektif dalam kalangan penutur bukan natif. Perbincangan tentang hasil kajian juga dapat membantu para guru bahasa dan ahli bahasa menilai tingkat penguasaan BS dalam kalangan pelajar bukan natif. Oleh itu kajian ini bertujuan menambahkan lagi kajian yang berkaitan dengan BS oleh penyelidik di Malaysia.

Kajian ini juga diharapkan dapat membuka jalan kepada kajian bahasa khususnya dari segi morfologi bahasa asing, Kajian ini diharapkan dapat dijadikan landasan kepada kajian pada masa akan datang terutama bidang pembelajaran bahasa asing dalam kalangan pelajar bukan natif.

## Batasan Kajian

Batasan kajian tertumpu kepada tempat kajian, sampel kajian, aspek kajian, pemilihan teori, prosedur kajian dan analisis data. Tempat kajian dilakukan merujuk kepada UPSI. Sampel kajian terdiri daripada 50 orang pelajar Melayu yang mengambil kursus BS tahap satu sebagai kursus elektif. Bahan utama kajian yang digunakan untuk mendapatkan data kata adjektif BS berdasarkan karangan pelajar manakalabahan sekunder kajian diperoleh melalui senaskhah akhbar BS iaitu *El Pais*. Bagi tujuan pengumpulan data BM, tatabahasa dewan dan buku-buku tatabahasa akan dirujuk. Fokus kajian berhubung dengan analisis untuk mengenal pasti bentuk kata adjektif BS dan BM, perbandingan bentuk kata adjektif dari segi aspek persamaan dan perbezaan serta penggunaannya dalam penulisan karangan pelajar serta jenis-jenis kesilapan penggunaan bentuk kata adjektif dalam karangan pelajar. Teori yang digunakan adalah teori analisis kontrasif (AK) oleh Lado (1957) yang mengatakan bahawa pelajar cenderung memindahkan tabiat dalam bahasa ibunda sepanjang proses pembelajaran bahasa kedua atau bahasa sasaran. Persamaan bentuk yang terdapat dalam kedua bahasa akan membantu dan memudahkan pelajar dan perbezaan yang wujud akan menimbulkan kekeliruan sepanjang proses pembelajaran. Dalam kajian ini bahasa ibunda pelajar adalah BM dan BS merupakan bahasa sasaran yang dipelajari oleh pelajar. Walau bagaimanapun, kajian ini terhad kepada perbandingan melibatkan sistem kosa kata iaitu kata adjektif seperti yang disarankan oleh Lado (1957) dalam bukunya *Language Across Cultures*. Menurut Lado (1957), aspek yang menjadi tumpuan dalam perbandingan sistem kosa kata adalah dari aspek bentuk, makna dan distribusi. Namun, kajian ini hanya terhad kepada aspek bentuk kata iaitu kata adjektif dan aspek makna juga dilihat secara tidak langsung apabila analisis dilakukan. Lado (1957) memberikan prosedur dan langkah analisis kontrasif sebagai berikut:

- I) Langkah pertama: tempatkan satu deskripsi struktural yang terbaik tentang bahasa-bahasa berkaitan. Deskripsi ini harus mencakup tataran fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik. Deskripsi ini harus mencakup bentuk, makna dan distribusi. Oleh yang demikian, kajian ini akan mengkaji aspek morfologi dan bentuk kata yang dipilih adalah bentuk kata adjektif BS dan BM.
- II) Langkah kedua: rangkum dalam satu kajian semua struktur, ini beerti seorang linguist harus merangkumkan semua kemungkinan pada setiap tataran analisis bahasa yang diteliti dan dibandingkan. Sehubungan itu dalam langkah kedua ini, penyelidik akan meguraikan sistem pembentukan kata adjektif kedua bahasa agar mudah untuk membuat perbandingan bagi menentukan persamaan dan perbezaan pembentukan kata adjektif kedua bahasa.
- III) Langkah ketiga: bandingkan dua bahasa itu struktur demi struktur dan pola demi pola. Dengan perbandingan setiap struktur dan pola dalam dua sistem bahasa itu, pengkaji dan pembaca dapat menemukan masalah-masalah dalam pembelajaran bahasa. Kita akan menentukan pola-pola yang sama dan yang berbeza. Dengan demikian, kita dapat meramalkan kemungkinan-kemungkinan masalah dan kesulitan dalam pembelajaran-pembelajaran bahasa-bahasa tersebut. Selepas huraian di buat berkaitan dengan pembentukan kata adjektif BS dan BM, Analisis bandingan akan dilakukan untuk menentukan persamaan dan perbezaan kedua bahasa dan seterusnya menganalisis penggunaan kata adjektif dalam karangan pelajar dan merumuskan jenis-jenis kesilapan yang dilakukan pelajar.

Data akan dianalisis menggunakan model struktural iaitu huraian secara saintifik, kualitatif dan terperinci seperti yang disarankan oleh Lado & Fries (1957:1)

*“The most effective material are those that are based upon a scientific description of the language to be learned, carefully compared with a parallel description of the native language of the learner”*

Menurut Lado (1957) perbandingan yang dilakukan terhadap bahasa sasaran yang dipelajari pelajar dengan bahasa ibunda pelajar akan membantu para guru dan pensyarah memahami lebih baik masalah dan kekeliruan pelajar. Kelemahan pelajar dapat didedahkan serta merta dengan membandingkan kedua bahasa. Sehubungan dengan itu, guru dan pensyarah dapat menyediakan bahan mengajar yang lebih berkesan bagi memastikan proses pembelajaran dapat dijalankan dengan teratur dan berkesan.

### **Bahan Kajian**

Kajian ini melibatkan perbandingan diantara bentuk kata adjektif BS dan BM. BS Kastilia menjadi pilihan penyelidik kerana bahasa tersebut merupakan bahasa rasmi yang digunakan di Sepanyol dan difahami oleh semua komuniti masyarakat di sana. Hal ini kerana di Sepanyol sendiri, wujud tiga bahasa lain yang dituturkan iaitu Katalan, Gallego dan Basque. Bahasa-bahasa ini hanya difahami oleh masyarakat yang mendiami wilayah bahasa tersebut dituturkan. Sebagai contohnya Katalan merupakan bahasa rasmi bagi masyarakat yang tinggal di Catalonia (Sepanyol) dan di Rousillon (Perancis) (Crystal, 1992). Bahasa Basque pula dituturkan di utara Sepanyol iaitu di Pais Vasco dan di Pays Basque Perancis. Bahasa Gallego pula dituturkan di wilayah Galicia di Utara Sepanyol yang bersempadan dengan Portugal dan bahasa ini merupakan dialek daripada bahasa Portugis (Crystal, 1992).

Bahasa Melayu yang dituturkan di Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura merupakan salah satu bahasa yang tergolong dalam Rumpun Austronesia iaitu keluarga bahasa-bahasa Nusantara. BM merupakan bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan bagi negara Malaysia. BM mula berkembang sebagai bahasa utama dalam bidang pentadbiran dan pendidikan sejak selepas kemerdekaan dengan termaktubnya Artikel 152 di dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1967. BM juga merupakan bahasa ibunda masyarakat Melayu di Malaysia. (Nik Safiah Nik Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa & Abdul Hamid Mahmood, 1995).

### **Definisi Operasional**

#### **Perbandingan**

Perbandingan merujuk kepada proses membandingkan atau membezakan sesuatu dengan sesuatu yang lain. Dalam kajian ini aspek perbandingan adalah berkaitan dengan proses membandingkan sistem tatabahasa iaitu pembentukan kata adjektif BS dan BM untuk mencari unsur perbezaan dan persamaan antara kedua bahasa bagi membantu dalam pengajaran dan pembelajaran BS. Tujuan perbandingan bukan untuk melihat kelebihan atau kelemahan sesuatu bahasa, tetapi untuk meminimumkan kesilapan yang sering dilakukan oleh penutur yang disebabkan perbezaan dua bahasa yang dipelajari.

#### **Bentuk**

Bentuk ialah rupa unit tatabahasa, sama ada bentuk tunggal atau bentuk yang terhasil daripada proses pengimbuhan, penggandaan, pemajmukan dan sebagainya. Bentuk yang dikaji dalam kajian ini adalah bentuk kata adjektif. Bentuk kata boleh terdiri daripada satu morfem atau beberapa morfem. Bentuk yang menjadi topik kajian adalah bentuk kata adjektif BS dan BM.



## **Kata Adjektif**

Kata adjektif merupakan kata yang berfungsi sebagai penerang kepada kata nama. Ia menerangkan sifat, keadaan dan kualiti sesuatu kata nama. Kata adjektif hadir selepas kata nama dalam BM manakala dalam BS pula, kata adjektif ini boleh hadir sebelum dan selepas kata nama. Kata adjektif boleh dibantu dengan pelbagai kata bantu seperti kata penguat, penegas dan sebagainya. Kata adjektif juga digunakan untuk menilai darjah atau tahap kepalingan sesuatu kata nama. Kata adjektif terdiri daripada pelbagai bentuk dan jenis dan setiap bahasa mempunyai sistem pembentukan yang tersendiri.

## **Bahasa Sepanyol**

BS adalah bahasa dunia yang berasal dari bahasa latin. Ia merupakan bahasa keempat yang mempunyai penutur paling ramai di dunia. Seramai 400 juta penutur bahasa tersebut di dunia ini (Ethnologue, 2013). BS mempunyai empat jenis dialek iaitu Castellano, Katalan, Gallego dan Basque. Bahasa ini dituturkan di Sepanyol dan majoriti penutur bahasa ini adalah masyarakat yang tinggal di Amerika Latin. Sebanyak 22 buah negara yang menuturkan bahasa ini sebagai bahasa ibunda. Bahasa ini serumpun dengan bahasa-bahasa roman yang lain seperti Perancis, Itali, Portugis dan Romania.

## **Penulisan**

Penulisan merupakan aktiviti melahirkan pemikiran, idea, perasaan ke dalam bentuk grafik atau ke atas sekeping kertas. Aktiviti ini memerlukan bahasa yang dapat dibaca dan difahami. Perkataan yang bersesuaian dipilih, disusun, diolah dalam perenggan dan mempunyai kesinambungan. Penulisan merupakan satu aktiviti yang dijalankan di dalam kelas pembelajaran bahasa dengan tujuan melihat kemampuan pelajar mempraktikkan bahasa yang dipelajari.

## **Kesimpulan**

Berdasarkan kajian yang dilakukan, penyelidik berharap kajian ini akan dapat memberi satu lambaran baharu yang berkaitan dengan pengkajian BS dalam usahamengatasi kekeliruan yang wujud dalam kalangan para pelajar sepanjang proses pembelajaran BS. Di samping itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti masalah dalam pembelajaran BS di Malaysia dengan tujuannya utamanya memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran BS. Selain daripada itu, kajian ini juga dapat membantu proses penterjemahan, aspek deskriptif sesuatu bahasa serta kajian bahasa secara universal. Diharapkan juga, kajian ini menjadi perintis kepada kajian lain dalam usaha mencari kaedah terbaik untuk mengajar BS. Dalam bab seterusnya, penyelidik akan membincangkan tentang kajian-kajian terdahulu yang menjadi rujukan penyelidik dalam kajian ini. Rujukan kajian-kajian tersebut dapat memberi panduan dan idea kepada penyelidik dalam menganalisis data yang diperolehi agar kajian ini menjadi satu kajian yang mantap

## RUJUKAN

- Abdul Chaer. (1994). *Linguistik Umum*. Jakarta : PT Rineka Cipta
- Abdullah Hassan. (1982). *Linguistik Am untuk GuruBahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti
- Ahmad Muhammad Qaddur.(1996). *Mabadi'al lisanayat*. T.tpt: Dar al-Fikr al – Muasir.
- Aini Hj.Abdul Azis (2001). Analisis kontrastif kata bilangan dan penjodoh bilangan di antara Bahasa Melayu Dan bahasa Jepun. PhD Thesis, Universiti Malaya
- Akmajian.A.(2001). *Linguistics : An Introduction To Language And Communication* :MIT Press.
- Alicio, A. (1996). Constructive Analysis And Error Analysis: The Verbal System Of Malay And Spanish. Ph. D. Thesis, Universiti Malaya.
- Anida Abdul Rahim. (2003). Strategi Pembelajaran Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Melayu: MA Thesis, Universiti Malaya.
- Aransáez, P. (1999). The translation of motion events from Spanish into English: a cross-linguistic perspective : *Journal: [Perspectives-studies in Translatology](#)*, vol. 19, no. 4, pp. 353-366.
- Arbak Othman.(1983). *Permulaan Ilmu Linguistik*. Kuala Lumpur : Sarjana Enterprise
- Arenawati.( 1992). Wadah Tua,Berita Harian. I Mac 1992.
- Asmah Hj. Omar. (1980). *Nahu Melayu Terakhir*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atienza, M.M. (2006). A Comparative Analysis between the English and Spanish Aspectual Systems: Università Ca' Foscari Venezia
- Azlina Seraai. (2009). Orientasi Dan Motivasi Pelajar Dalam Pembelajaran Bahasa Sepanyol, MA Thesis, Universiti Malaya.
- Azman Che Mat & Goh Yin Soon. (2010). Situasi Pembelajaran Bahasa Asing Di Institusi Pengajian Tinggi: Perbandingan Antara Bahasa Arab, Bahasa Mandarin Dan Bahasa Perancis, AJLTHE Vol 12 (2) P.9-20
- Bright, W. (1992). *International Encyclopedia of Linguistic*. Oxford: Oxford University Press.
- Brown, H.D. (1980).*Principles of Language Learning and Teaching*. Harlow: Longman
- Choi Kim Yok. (1986). Essai de recherche en analyse contrastif et en analyse d"erreur : Les systèmes morphologique du Français et du Malais, PhD Thesis, Universiti Sorbonne Nouvelle: Paris
- Cohen, L & Manion, L. (1994). *Research Methods in Education*. London: Routledge Publisher

- Corder, S.P (1967). The significance of learners Errors in *International Review of Applied Linguistics*. P 161-169.
- Corder, S.P (1983). Strategies of Communication. In C. Faerch & G. Kasper (Eds). *Strategies in Interlanguage communication*. London : Longman.
- Courtillon, J. (2002). *Élaborer un cours de FLE*. Paris : Hachette.
- Crystal, D. (1992). *An Encyclopedic Dictionary of Language And Languages*. Oxford: Blackwell Publishers.
- Edison, M.V. (2007). Problems in the conjugation of the Spanish verbs among Malaysian Learners, MA Thesis, Universiti Malaya.
- Ellis, R (1986). *Understanding Second Language Acquisition: UK-Paperback*
- El Pais. (2012), January 10: Número 12.617. Edición Nacional.
- Fisiak. J. (1981). *Contrastive Linguistics and The Language Teacher*. Oxford: Pergamon Press.
- Freeman, L.D. (1986). *Techniques and Principles in Language Teaching*. Oxford: Oxford University Press
- Fries, C. (1945) . *Teaching and Learning English as a Foreign Language*. Michigan: An Arbor The University of Michigan Press.
- Fuller, E. G. (1987). *How to Learn a Foreign Language*. Washington: Storm King Press.
- Garcia, A. T, Breslin. G, Butterfield. J, Déniz G. J, Álvares, G.E, Hunter, S, Cordelia, L, Hernandez, P. C, Parrondo R. J & Vaca, R. J (1998) *Spanish Concise Dictionary* : Harper Collins Publisher.
- Garcia, F. (2000) . *USO De La Gramatica Española Elemental* : Edelsea.
- Gass, S.M. & Selinker, L. (2008). *Second Language Learning; An Introductory Course*. New York & London. Routledge.
- Ghazali Yusri Abdul Rahman. (2000). Kata Tugas Dalam Bahasa Arab Dan Bahasa Melayu: Satu Kajian Bandingan Dari Aspek Kata Penyambung Ayat Dan Kata Praklausa, PhD Thesis, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Gili, C.O & Diaz, E . 2005. *Libro De Ejercicios*.: Edelsea.
- Harding, E. & Riley. P. (1986). *The Bilingual Family*. USA :Winter Ventures
- Kridalaksana, H. (1983). *Kamus Linguistik* . Jakarta: PT Gramedia.
- James, C. (1980). *Contrastive Analysis* London: Longman
- Lado. R. (1957). *Language Across Culture: Applied Linguistics for English Teachers*. Ann Arbor : Chicago of Michigan Press.
- Lado, R.(1968). Contrastive Linguistics In A Mentalistic Theory Of Language Learning. Dlm. Alatis, J.E. (ed.) *Contrastive Linguistics and Its Pedagogical Implications*. (hlm.123-136). Michigan: Georgetown University Press.
- Lado, R & Fries, C.C. (1966) . *English Sentence Pattern*. Michigan : The Universiti of Michigan Press

- Lyons, J. (1993). *Pengenalan Linguistic Teoritis*. Terj. Abdullah Hassan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mariyati Haji Mohd Nor. (2008). Unsur-unsur kata adjektif Bahasa Sepanyol dari pespektif leksikologi, MA Thesis, Universiti Malaya.
- Martines, V.S. (2006). La Importancia del análisis de los errors en estudiantes de lengua Extranjeras In *Barataria*, Kuala Lumpur : Embassy of Spain.
- Morgan, J.& Rinvoluceri. M. (1983). *Once Upon A Time* . Cambridge University Press.
- Nik Safiah Karim Farid Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (1994). *Tatabahasa Dewan*. Edisi Baharu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2008). *Tatabahasa Dewan*. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. 1995. *Malay Grammar for Academics and Professionals*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norizan Che Su, (2009), Analisis Kontrastif Sintaksis Bahasa Melayu dan Bahasa Thai, PhD thesis, Universiti Putra Malaysia.
- Normalis Amzah Natsue Hieda & Maserah Shabudin. (2012). Sikap Mahasiswa UKM Terhadap Bahasa Jepun : Satu Kajian Kes, *Jurnal of Language Studies*. Vol 14 (No 1), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Oller, J. & Ziahosseiny, S. (1970). The Contrastive Analysis Hypothesis and Spelling Errors. *Language Learning*, 20, 183-189.
- Parera, J. D. (1991). *Kajian Linguistik Umum Historis Komparatif dan Tipologi struktural*. E.d. 2. Jakarta : Erlangga.
- Pateda. M. (1991). *Linguistik Terapan*. Yogyakarta : Nusa Indah.
- Pei, M. (1965). *Glossary of linguistics terminology*. New York : Anchor Books Doubleday.
- Radhiah Ismail. (2004). Penguasaan kata ganti nama diri Bahasa Sepanyol Di Kalangan Pelajar Melayu, MA Thesis, Universiti Malaya.
- Ramadan Abd. Al Tawwab. (1973). *Fusul fi fiqh al – lughah*. Al –Qahirah : Maktabah Dar al –Turath.
- Richard, J.C and Nunan, D. (1990). *Second Language Teacher Education*: Cambridge University Press.
- Richard, J.C., Platt, J & Platt H. (1993). *Language Teaching and Applied Linguistics* . England : Longman.
- Politzer, R.L. (1960). *Teaching French*. John Wiley and Sons.
- Robins, R.H. (1992). *Linguistik umum sebuah pengantar*. Terj. Soenarjati Djarjanegara. Yogyakarta : Penerbit Kanisius.
- Roshidah Hassan. (2010). *Sistem Fonetik dan Fonologi Bahasa Melayu dan Bahasa Perancis : Satu Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan*, PhD Thesis, Universiti Malaya.
- Rusdi Arifin. (1998). Satu Kajian Kesilapan Penggunaan Kata Sifat Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Agama, MA Thesis, Universiti Malaya.

- Salina Husain. (2010). Penggunaan konjugasi kata kerja Bahasa Sepanyol dan perbandingannya dengan Bahasa Melayu. PhD Thesis, Universiti Putra Malaysia.
- Schmitz, M. J. (1991). Bahasa Malaysia and German : Problems of Source Language Interference With Malay Learners of German, PhD Thesis, Universiti Malaya.
- Selinker, L. 1972. Interlanguage. Dlm. *IRAL*. Vol.X/3. 1972, 219-231.
- Sidek Mohd Noah. 2002. *Perkembangan Kerjaya : Teori Dan Praktis*. Universiti Putra Malaysia.
- Siti Aishah Ashari. (2005). Kata adjektif Bahasa Melayu –Arab : satu analisis kontrastif, MA Thesis, Universiti Malaya.
- Sulaiman Hj. Ismail. (1997). Analisis Kesilapan Frasa Adjektif Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Melayu. MA Thesis, Universiti Malaya.
- Tarigan, G.H. (1997). *Analisis Kesalahan Berbahasa*. Jakarta: Dirjen Dikdasmen
- Wan Moharani Mohammad & Muhammad Marwan Ismail. (2008). *Kajian Bandingan Ayat Namaan Bahasa Arab – Bahasa Melayu : USIM*
- Wiersma, W. & Jurs. G. S. (2005) *Research Methods in Education: An Introduction* (9th Edition) : Pearson.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Rosli Talif. (2006). Kepentingan Analisa Konstruktif Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa, Universiti Sains Malaysia dengan kerjasama British Council Malaysia dan Japan Foundation di Grand Plaza Parkroyal Hotel, Penang, Malaysia pada 23 – 25 November 2006 .
- Zeichner, M.K. (1993), *Educating Teachers for Cultural Diversity: National Center for Research on Teacher Learning*.
- Azwan Hakim, (2014), Kaedah kepustakaan. Retrieved from <https://www.scribd.com/doc/161317991/Kaedah-Struktural-Dan-Global>.
- F.D Bluford Library, North Carolina A&T State University.(2014). Retrieved From <http://www.library.ncat.edu/ref/guides/literaturereview03.html>
- Kursus – kursus bahasa yang ditawarkan di Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya ( 2006). Retrieved from <http://www.ccm.um.edu.my/ccm/navigation/academics/faculties/FLL/>.
- Language of the World (2013). Retrieved from [www.ethnologue.com](http://www.ethnologue.com),
- Spanish Adjectives (2006) Retrieved From <http://www.spanishbooster.com/spanishadjectives.htm.2006>.